

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung cadangan menggunakan perkataan 'Dayak' menggantikan bangsa lain-lain di bawah Perlembagaan Malaysia Perkara 16.

JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Januari 2015 memutuskan supaya Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak (JTBS) mengkaji cadangan penggunaan kaum 'Dayak' bagi menggantikan 'Bumiputera Sarawak' atau 'lain-lain kaum' dalam borang kerajaan.

JTBSS telah membincangkan perkara ini dalam mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2015 pada 5 Mac 2015 dan Bilangan 2 Tahun 2015 pada 12 Mei 2015. JTBSS mengambil maklum bahawa melalui pengauditan terhadap penggunaan kaum dalam borang kerajaan oleh MAMPU pada 2011, terdapat 198 borang rasmi yang menggunakan maklumat identiti kaum atas perkara-perkara berikut:

- (i) Berkaitan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) Berkaitan keperluan perundangan tertentu;
- (iii) Bagi memenuhi keperluan *stakeholder*, dan
- (iv) Bagi tujuan penyelidikan dan perancangan.

JTBSS telah bersetuju dengan cadangan penggunaan kaum 'Dayak' bagi menggantikan 'Bumiputera Sarawak' atau 'lain-lain kaum' dalam borang kerajaan. Walau bagaimanapun perkara ini perlu di perhalusi oleh pihak yang berkepentingan di Sarawak iaitu Majlis Adat Istiadat Sarawak dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak serta Pejabat Peguam Negara dan beberapa agensi di peringkat Persekutuan. Ianya perlu dilaksanakan bagi memastikan tiada percanggahan dengan mana-mana klausa perundangan sedia ada serta bagi memastikan hak-hak dan keistimewaan yang diberikan kepada mereka dalam perundangan sedia ada terpelihara. JTBSS melalui MAMPU akan mengemukakan Nota Makluman Jemaah Menteri hasil rumusan pandangan dan syor dari pihak yang berkenaan untuk pertimbangan.

Manakala bagi Negeri Sabah, cadangan penggunaan kaum akan dirujuk dengan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan persetujuan bersama.